

01 DEC 2000

AIDS-Doktor

DOKTOR SENSITIF DIPERLUKAN UNTUK URUS PENGHIDAP AIDS

KUALA LUMPUR, 1 Dis (Bernama) -- Doktor-doktor kini perlu lebih berpendidikan, sensitif dan bersikap responsif semasa berurusan dan mengendalikan penghidap HIV/AIDS, demikian menurut seorang pegawai kanan Kementerian Kesihatan hari ini.

Mana-mana doktor tidak beretika dari hospital kerajaan atau swasta dan klinik yang didapati melanggar kerahsiaan pesakit, akan menghadapi tindakan sewajarnya dari pihak berkuasa, kata Timbalan Pengarah Kawalan Penyakit Kementerian Kesihatan, Datuk Dr Faisal Ibrahim.

"Tindakan itu ialah mengeluarkan amaran atau potongan gaji atau tindakan undang-undang yang lebih serius, bergantung kepada Lembaga Disiplin hospital," katanya.

Dr Faisal memberitahu pemberita demikian selepas melancarkan laporan mengenai "Hidup Dengan HIV/AIDS di Malaysia: Dokumentasi Mengenai Diskriminasi Rakan Sebaya" oleh Majlis AIDS Malaysia (MAC) di sini, bersempena Hari AIDS Sedunia, di sini.

Laporan itu dibentangkan oleh ketua kumpulan projek Dr Mary Huang dan anggota kumpulan, Patrick Foong dan Joe Selvaratnam.

Dr Faisal mengulas pendedahan pegawai Persatuan Penjagaan Malaysia Peter Daniel semasa satu perbincangan panel mengenai kajian kes yang melibatkan seorang doktor yang mendedahkan keadaan seorang pesakit HIV/AIDS kepada pihak lain tanpa kebenaran pesakit itu.

Daniel memberitahu perbincangan panel itu bahawa seorang penagih dadah didapati positif HIV/AIDS semasa di penjara.

Menurutnya doktor itu merasa bertanggungjawab mendedahkan keadaan pesakit HIV/AIDS itu kepada pihak ketiga kerana bimbang lelaki itu akan menyebarkan penyakit itu kepada pihak lain.

Daniel berharap laporan itu akan mendidik penghidap lain supaya bersedia menghadapi sebarang bentuk diskriminasi dan bagaimana menghentikan diskriminasi terhadap mereka.

"Memandangkan kini hak mereka telah dinyatakan dengan jelas, mereka boleh membawa nama orang yang terlibat mendiskriminasikan mereka, nyatakan dengan jelas kejadian itu dan kemukakannya kepada MAC atau badan bukan kerajaan lain bagi membolehkan mereka menghentikan perbuatan itu serta merta," katanya.

Sementara itu, Presiden MAC Datin Paduka Marina Mahathir berkata laporan itu mungkin bukan laporan muktamad mengenai diskriminasi yang dihadapi penghidap HIV/AIDS, tetapi ia merupakan satu permulaan yang baik.

"Sekurang-kurangnya, dokumen ini akan menjadi pihak yang menghadapi penyakit ini sedar tentang hak mereka mendapatkan layanan yang lebih baik dan mereka mempunyai hak untuk mengadu (jika didiskriminasikan)," katanya.

Laporan itu antara lain mengandungi hak-hak penghidap mendapatkan penjagaan kesihatan termasuk insurans, keadaan sulit dan kerahsiaan, pekerjaan, berkahwin dan mempunyai keluarga.

Sebanyak 95 responden, termasuk lapan orang gay dan mak nyah, yang kebanyakannya dari Lembah Kelang dipilih bagi kajian itu.

Foong berkata sebanyak 30.5 peratus daripada status positif HIV responden didedahkan tanpa kebenaran mereka kepada pekerja kesihatan, anggota keluarga, pegawai kerajaan, NGO dan polis.

Hampir 60 peratus daripada mereka yang menerima maklumat itu kemudian menyebarkannya kepada pihak lain, katanya.

Sementara itu, Dr Huang berkata pendokumentasian itu diterima pakai

daripada satu kajian Rangkaian Penghidap HIV/AIDS Asia Pasifik (APN+) pada Bengkel Hak Asasi Manusia mereka di Hong Kong pada Mei 1998.

"Ia mungkin bukan saintifik tetapi kami bukan cuba mengumpul data mengenai bagaimana diskriminasi merebak sebaliknya mahu mengumpul data mengenai hakikat bahawa diskriminasi sememangnya berlaku di negara kita," kata Dr Huang.

-- BERNAMA

NHA AHH RYN NAK